

PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Pejabat Kewangan Negeri,
Tingkat 5, Blok D, Wisma Negeri,
70503 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus.



Telefon : 06-7659022 (Talian Terus)
06-7659962 (Talian Terus)

Fail Kami: P.Kw.N./N.S.(349) 600/4 Klt.8 (23)
Tarikh : 11 Julai 2024

**YB DATO'/ YBHG DATO'/ TUAN/ PUAN
KETUA-KETUA JABATAN NEGERI**

**DATUK BANDAR/ YANG DIPERTUA
PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF/ PENGARAH
BADAN BERKANUN NEGERI**

NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

YB Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

**PINDAAN PEKELILING PERBENDAHARAAN WP1.4 BAGI PEMANSUHAN
KELULUSAN KETUA JABATAN UNTUK PENGGUNAAN KENDERAAN SENDIRI
SEMASA BERTUGAS RASMI**

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YB Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara yang tersebut di atas dan **Surat Edaran Kementerian Kewangan Malaysia bil.(4) dlm. MOF.BPK(S) 600-31/3/3 JLD.6** bertarikh **10 Jun 2024** adalah berkaitan.

2. Untuk makluman YB Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah mengeluarkan satu surat edaran berkaitan pindaan terhadap Pekeliling Perbendaharaan WP1.4 - Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi iaitu pemansuhan kelulusan ketua jabatan untuk penggunaan kenderaan sendiri semasa bertugas rasmi.

3. Walau bagaimanapun, Pentadbiran ini telah meneliti pindaan tersebut dan memutuskan bahawa pekeling ini **tidak diguna pakai** di peringkat Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan. Ini adalah selaras dengan Pekeliling Pejabat Kewangan

Dan Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus, Bilangan 1 Tahun 2024
- Garis Panduan Perbelanjaan Mengurus Dan Pembangunan Tahun 2024 iaitu:

“Perjalanan bertugas rasmi hendaklah dihadkan kepada perjalanan yang benar-benar perlu sahaja dengan kaedah perjalanan yang paling menjimatkan. Pegawai Pengawal / Ketua Jabatan hendaklah memastikan kenderaan jabatan digunakan terlebih dahulu bagi mengelakkan perbelanjaan tuntutan perjalanan melebihi peruntukan.”

4. Justeru, pemakaian Pekeliling Perbendaharaan WP1.4 sedia ada adalah kekal tanpa sebarang pindaan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“BERSIH. MUAFAKAT. SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' HAJI MOHD KHIDIR BIN MAJID)